3.1 WANG DAN BANK

1. Antara yang berikut, yang manakah merupakan fungsi bank pusat sebagai pengawal kestabilan nilai mata wang?

   I Mengurus pertukaran ringgit berbanding Dolar Amerika
   II Mengubah kadar faedah pinjaman bank perdagangan
   III Mengawal tekanan inflasi dalam negara
   IV Menetap sandaran minimum rizab emas

   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

2. Antara berikut, kaedah manakah yang dilakukan oleh bank pusat untuk menstabilkan nilai mata wang?

   I Mewujudkan sandaran minimum dengan memperuntukkan 80.59% dalam bentuk emas
   II Menjual Ringgit Malaysia dan membeli Dolar Amerika ketika nilai Ringgit Malaysia rendah
   III Membuat pelaburan di dalam dan luar negara bagi meningkatkan pendapatan kepada negara
   IV Menggunakan alat dasar kewangan bagi memastikan kadar inflasi berada pada paras terkawal

   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

3. Berikut adalah kaedah pembayaran oleh bank perdagangan. Yang manakah **benar**?

	Debit langsung	**Pindahan kredit**
A	Digunakan untuk membayar sewa rumah, astro dan ansuran kereta	Bank memindahkan gaji kepada pemegang akaun semasa
B	Pelanggan mengarahkan bank membuat pembayaran yang tidak tetap	Pelanggan membuat bayaran gaji kepada pekerja secara tunai
C	Bank memindahkan daripada akaun pelanggan yang membayar bil elektrik	Pembayaran gaji dan elaun pekerja oleh majikan
D	Bayaran bulanan adalah tidak tetap	Potongan bulanan adalah tetap

LIVEWORKSHEETS

4. Maklumat di bawah berkaitan dengan fungsi wang

Puan Aliya membeli sebuah kereta berharga RM 50 000.00 dan membuat bayaran ansuran selama 9 tahun dengan pihak bank.

Fungsi wang yang manakah berkaitan dengan situasi di atas?

I Alat ukuran nilai
II Alat bayaran tertunda
III Alat simpanan nilai
IV Alat perantaraan pertukaran

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

5. Antara berikut, yang manakah merujuk kepada prinsip " TAKJIRI "?

A Bank memberi sewaan aset dalam tempoh tertentu kepada pelanggan
B Bank membayar pulangan dalam bentuk hibah kepada pelangga
C Bank membahagikan untung pelaburan kepada pelanggan
D Bank menjual barang secara ansuran kepada pelanggan

6. Situasi manakah yang menerangkan fungsi wang sebagai alat ukuran nilai?

A Encik Fauzi membayar RM 6000 sebagai deposit untuk kereta Myvi baharu.
B Cik Yani membayar RM 1325 setiap bulan untuk rumahnya selama 30 tahun.
C Encik Azman mengunjungi lebih daripada tiga kedai untuk membandingkan harga barang sebelum membeli .
D Puan Munirah membeli barang kemas pada harga diskaun 70% sempena jualan penghabisan stok oleh Sri Arau Emas Bhd.

7. Apakah kemudahan bank perdagangan yang boleh membuat pembayaran secara tetap mengikut jumlah dan tarikh yang sama setiap bulan?

A Draf bank
B Perintah sedia ada
C Debit langsung
D Pindahan kredit

LIVEWORKSHEETS

8. Pernyataan manakah yang menerangkan prinsip Takjiri dalam Perbankan Islam?

A En Ali boleh mengambil alih harta disewa

B Puan Alisya membeli rumah dengan pembayaran tertangguh

C Pihak bank sebagai pemegang Amanah sijil saham milik Puan Puteri

D Cik Noni menyimpan wang sebanyak RM2000 untuk tempoh setahun

9. Situasi yang manakah menerangkan fungsi wang sebagai alat penyimpan nilai?
A Puan Fauziah membuat perbandingan harga laptop
B En Baha mencarum ke akaun KWSP pada setiap bulan
C Puan Meena membeli subang emas di Kedai Hasleena
D En Faiz membayar RM 10000 deposit untuk rumah baharu

10. Pernyataan yang manakah betul tentang fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada kerajaan?
I Menjaga rizab berkanun
II Memberi nasihat pelaburan
III Menghulurkan pendahuluan sementara
IV Menyediakan akaun penjelasan antara bank

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

11. Puan Faridah mengarahkan bank untuk membayar premium insurans sebanyak RM 303 pada setiap 28 hari bulan.
Apakah kemudahan pembayaran tersebut?
A Draf bank
B Debit langsung
C Pindahan kredit
D Perintah sedia ada

12. Puan Safiyya membeli sebuah rumah berharga RM 280 000 dengan berasaskan satu prinsip Perbankan Islam.
Apakah prinsip tersebut?
A Takjiri
B Wadiah
C Mudharabah
D Bai Bithaman Ajil

13. Maklumat berikut berkaitan dengan fungsi wang.

Cikgu Azam membeli kasut sukan pada harga diskaun 50% sempena ulang tahun ke -10 pembukaan Kedai Kasut Ceria.

Fungsi wang tersebut adalah sebagai alat

A ukuran nilai
B simpanan nilai
C bayaran tertunda
D perantaraan pertukaran

LIVEWORKSHEETS

14. Antara berikut, yang manakah merujuk kepada fungsi bank pusat?

I Mengurus pertukaran asing
II Merupakan sumber pinjaman terakhir kepada kerajaan
III Memberi pendahuluan sementara kepada bank perdagangan
IV Memastikan kadar inflasi dalam negara terkawal dengan menggunakan alat da kewangan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

15. Maklumat berikut berkaitan sejenis deposit di bank perdagangan.

Pemegang akaun boleh mengeluarkan wang melebihi baki simpanan.

Pernyataan yang manakah betul tentang deposit tersebut?

A Mengeluarkan wang tanpa had
B Menerima kadar faedah yang tinggi
C Memerlukan penjamin apabila membuat pinjaman
D Membantu peniaga yang menghadapi masalah aliran tunai

16. **Wang boleh digunakan dalam pembelian barang secara ansuran.**

Fungsi wang adalah sebagai alat

A ukuran nilai

B simpanan nilai

C bayaran tertunda

D perantaraan pertukaran

17. Encik Talhah membeli kereta Myvi dengan bayaran ansuran RM480 sebulan. Apakah perkhidmatan bank perdagangan yang memudahkan beliau membuat pembayaran kereta tersebut?

A Draf bank

B Debit Langsung

C Pindahan kredit

D Perintah sedia ada

LIVEWORKSHEETS

18. Maklumat berikut berkaitan fungsi wang.

Encik Rosdin bercadang membeli sebuah motosikal yang berharga RM5 000. Walau bagaimana pun, kedai yang menjual motosikal tersebut tidak menerima bayaran secara ansuran menyebabkan beliau terpaksa menggunakan tabungannya.

Apakah fungsi wang yang terdapat di dalam maklumat di atas?

I Alat ukuran nilai

II Alat simpanan nilai

III Alat bayaran tertunda

IV Alat perantaraan pertukaran

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

19. Bagaimanakah bank pusat bertindak sebagai jurubank kepada kerajaan?

A memberi nasihat pelaburan

B menstabilkan nilai mata wang

C menjadi sumber pinjaman terakhir

D menetapkan kadar rizab berkanun

20. Apakah kelebihan menggunakan akaun tabungan?

A Mendapat kadar faedah yang tinggi

B Menikmati kemudahan perbankan internet

C Mempunyai kemudahan menggunakan cek

D Mampu mengeluarkan wang melebihi baki

LIVEWORKSHEETS

21. . **Maklumat berikut berkaitan sejenis pinjaman.**

Jenis pinjaman yang manakah sesuai digunakan?

A Penggunaan kad kredit

B Permohonan overdraf

C Pinjaman bercagar

D Pinjaman peribadi

22. **5. Pilih pernyataan yang betul berkaitan draf bank.**

A digunakan untuk melanggan saham baharu.

B ditawarkan kepada pemegang akaun semasa

C dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia apabila diminta

D diberikan kadar faedah yang tinggi apabila menggunakannya

23. Logo di bawah ini merujuk kepada sebuah institusi kewangan di Malaysia.

Antara yang berikut, manakah yang merupakan fungsi institusi kewangan tersebut?

I Mengeluarkan wang kertas

II Mengawal rizab berkanun

III Menerima deposit daripada firma besar

IV Memberi perkhidmatan pembayaran

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

LIVEWORKSHEETS

24. Gambar di bawah berkaitan dengan suatu kemudahan deposit bank perdagangan.

Pilih ciri lain yang tepat menggambarkan kemudahan deposit tersebut.

A Menawarkan kadar faedah yang lebih tinggi
B Pemegang akaun boleh memohon kemudahan overdraf
C Pendeposit tidak boleh memohon kad juruwang elektronik (ATM)
D Hanya boleh mengeluarkan simpanan apabila tempoh matang

25. Maklumat berikut berkaitan dengan fungsi bank perdagangan.

Encik Adam membeli sebuah kereta secara sewa beli. Beliau menggunakan perkhidmatan bank untuk membayar deposit RM3 000 dan bakinya dibayar secara ansuran sebanyak RM600 sebulan.

Apakah perkhidmatan yang digunakan oleh Encik Adam?

A Perintah sedia ada dan pindahan kredit
B Pindahan kredit dan debit langsung
C Draf bank dan perintah sedia ada
D Debit langsung dan draf bank

3.2 PENDAPATAN INDIVIDU

26. **Kegiatan ekonomi di sektor kedua ialah**

A **menyiap bangunan rumah kediaman**

B **mengeluar hasil bumi mengikut bentuk asal**

C **menawar kegiatan sokongan kepada sektor lain**

D **membekal barangan untuk kebajikan masyarakat**

LIVEWORKSHEETS

27. **Apakah faedah sampingan dalam pemilihan pekerjaan?**

A **Kemudahan pinjaman beli kenderaan**

B **Masa perjalanan singkat ke pejabat**

C **Waktu bekerja yang fleksibel**

D **Tempat kerja berhawa dingin**

28. Syarikat manakah yang terlibat dalam sektor kedua?

	Syarikat	Aktiviti utama
A	Syarikat Kinda Holding	Merupakan pengeluar pelbagai barang elektrik jenama Kinda
B	Syarikat Petrol Berhad	Mencari gali petroleum
C	Syarikat Api Berhad	Menyediakan kemudahan pengangkutan darat dan laut
D	Syarikat Mega Berhad	Menyediakan perkhidmatan perhotelan

29. Maklumat di bawah berkaitan dengan suatu jenis pendapatan individu.

Z merupakan ganjaran kepada individu yang menangguhkan perbelanjaan masa kini.

Ganjaran bagi Z ialah

A Upah

B Sewa

C Faedah

D Untung

30. Maklumat berikut berkaitan dengan pendapatan seorang individu.

Puan Siti seorang pesara guru yang menjalankan perniagaan kosmetik di Seremban. Beliau mempunyai simpanan di Tabung Haji sebanyak RM23 000 dan juga menerima RM1 000 daripada suaminya setiap bulan.

Apakah jenis pendapatan produktif yang diterima oleh beliau?

I Pencen

II Nafkah

III Untung

IV Dividen

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

LIVEWORKSHEETS

31. **Situasi yang manakah berkaitan dengan bayaran pindahan?**

A Cik Raisya menerima bayaran hasil daripada paparan wajahnya di papan iklan gergasi

B Encik Faiz menerima pendapatan daripada saham amanah yang dibeli lama dahulu.

C Puan Nur Amina memperoleh wang tunai hadiah khidmat cemerlang.

D Encil Rizal mendapat tajaan melanjutkan pengajian di luar negara.

32. Maklumat di bawah berkaitan dengan Cik Adelia.

Cik Adelia merupakan seorang pegawai farmasi di Hospital Keluargaku di sebuah bandar dan menerima pendapatan sebanyak RM4 500 sebulan. Namun begitu, beliau meletakkan jawatan dan kini bekerja sebagai seorang guru tadika di kampungnya.

Apakah faktor pemilihan pekerjaan yang mempengaruhi Cik Adelia membuat keputusan tersebut?

I Jarak
II Kepuasan kerja
III Prospek pekerjaan
IV Kelayakan akademik

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

33. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pendapatan individu.

Encik Anuar bekerja sebagai kerani kewangan di sebuah bank. Dia membuat pelaburan dalam Amanah Saham Bumiputera. Dia menyewa sebuah gerai untuk menjual cenderahati dengan kadar sewa RM400 sebulan.

Apakah jenis pendapatan yang diterima oleh Encik Anuar?

I Upah
II Dividen
III Faedah
IV Sewa

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

LIVEWORKSHEETS

34. Pendapatan yang manakah diterima oleh seorang individu tanpa menggunakan fakto pengeluaran?

A Sewa

B Upah

C Faedah

D Biasiswa

35. En Azman seorang jurutera di Syarikat Minyak dan Gas di Miri Sarawak. Beliau memperolehi pendapatan bulanan sebanyak RM 28 000.
Antara berikut, apakah faktor beliau memperolehi pendapatan sebanyak itu?

I Saiz firma
II Jaminan kerja
III Risiko pekerjaan
IV Kelayakan akademik

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

36. Mengapakah pekerjaan dalam sektor utama kurang diminati?

I Upah tidak tetap

II Faedah sampingan terhad

III Memerlukan kelayakan akademik

IV Memerlukan kemahiran yang tinggi

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

37. Maklumat di bawah berkaitan dengan suatu jenis pendapatan individu.

X merupakan ganjaran kepada pemilik faktor tanah

Apakah ganjaran X?

A Upah

B Sewa

C Faedah

D Untung

LIVEWORKSHEETS

38. Mengapakah usahawan menerima untung?

A Melabur dalam saham

B Sumbangan tenaga fizikal

C Tanggungan risiko dan daya usaha

D Menangguh penggunaan wang yang dipinjamkan

39. Antara yang berikut yang manakah faedah sampingan dalam faktor pemilihan pekerjaan?

I Rawatan perubatan
II Suasana tempat kerja
III Prospek pekerjaan
IV Bonus tahunan

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

40. Antara yang berikut, yang manakah merupakan pekerjaan sektor kedua?

I Jurutera
II Guru tadika
III Pegawai bank
IV Pengurus kilang perabot

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

41. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pendapatan individu.

X merupakan sejenis pendapatan individu yang tidak produktif

Situasi manakah yang menerangkan **X**?

A Emir menerima e-dompet sebanyak RM150
B Alya mendapat RM1 200 setahun dari simpanan ASB
C Hafiz memperolehi RM450 sebulan daripada perniagaan kerepeknya
D Diana menerima RM700 sebulan daripada penyewaan rumah sewanya

LIVEWORKSHEETS

42. Maklumat berikut berkaitan dengan upah wang dan harga dua barang di pasaran.

Upah Wang (RM)	Harga Barang Y (RM)	Harga Barang Z (RM)
6 000	12.50	13.50

Apakah yang akan terjadi jika harga purata barang berubah kepada RM15?

A Kuasa beli pengguna menurun
B Tabungan isi rumah meningkat
C Upah benar pengguna bertambah
D Pendapatan boleh guna berkurang

43. Maklumat berikut berkaitan dengan jenis pendapatan.

Encik Khusairi seorang pekerja makenik sebuah kedai elektrik di Melaka. Beliau juga mengusahakan gerai makan berhampiran rumahnya pada waktu malam

Antara yang berikut, yang manakah jenis pendapatan yang diperoleh Encik Khusairi.

A Upah dan sewa
B Sewa dan untung
C Upah dan untung
D Sewa dan faedah

3.3 PENGGUNAAN PENDAPATAN INDIVIDU

44. **Jadual 5 menunjukkan pendapatan dan pembayaran Encik Abu dalam setahun.**

Butiran	Jumlah (RM)
Pendapatan	35 800
Caruman KWSP	3 850
Cukai pendapatan	380
Bayaran zakat	360
Premium insuran hayat	1 200

Jadual 5

Berapakah pendapatan boleh guna Encik Abu pada tahun tersebut?

A RM31 570
B RM31 210
C RM30 370
D RM30 010

LIVEWORKSHEETS

45. Manakah merupakan fitur yang mempengaruhi pembelian secara kredit?

A Tingkat harga barang yang ditentukan oleh peniaga

B Tempoh masa pembiayaan kewangan oleh bank

C Baki jumlah bayaran yang perlu dijelaskan

D Beban kewangan tanggungan pengguna

46. Apakah kepentingan individu menyediakan belanjawan peribadi?

A Menyediakan tabungan untuk keluarga

B Menambah pendapatan benar pada hari tua

C Merancang bayaran hutang atas pembelian aset

D Membelanja lebihan pendapatan ke atas barang kehendak

47. Jadual di bawah menunjukkan pendapatan dan perbelanjaan Encik Zafri bagi bulan September 2023.

Butiran	RM
Gaji	3 200
Makanan dan minuman	1 100
Bonus	1 400
Elaun	600
Dividen	200
Premium takaful	300

Berapakah jumlah pendapatan Encik Zafri?

A RM3 200

B RM4 600

C RM5 200

D RM5 400

48. Antara berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri barang kehendak?

A Mudah dipenuhi

B Bilangannya terhad

C Untuk keselesaan hidup

D Harga biasanya dikawal oleh kerajaan

49. Antara berikut, yang manakah merupakan kelebihan kaedah pembelian barangan secara bayaran kredit?

A Pengguna akan membayar harga yang lebih rendah

B Berlaku peningkatan dalam taraf hidup pengguna

C Menggalakkan pengguna berbelanja melebihi pendapatan

D Pengguna boleh menikmati diskaun harga yang lebih banyak

LIVEWORKSHEETS

50. Apakah kepentingan belanjawan peribadi?
A Menyelaras pendapatan mengikut perbelanjaan
B Merancang pembelian barang secara kredit
C Menambah jumlah pendapatan individu
D Membantu individu membuat tabungan

51. Gambar berikut berkaitan dengan satu jenis pelaburan peribadi.

Pilih padanan yang betul.

	Risiko	Pulangan	Kecairan
A	Bebas risiko	Rendah	Tinggi
B	Rendah	Rendah	Tinggi
C	Sederhana	Tinggi	Rendah
D	Tinggi	Tinggi	Rendah

52. **Kerajaan mengenakan cukai dengan tujuan untuk**

A merapatkan jurang pendapatan antara firma

B menyediakan barang dan perkhidmatan awam

C menambah hasil syarikat kurang berdaya maju

D membangunkan ekonomi penduduk setempat

53. Maklumat di bawah berkaitan sejenis kaedah pembayaran.

> Encik Malek telah membeli satu set perabot dengan bayaran ansuran RM200 sebulan selama 2 tahun.

Mengapakah Encik Malek memilih kaedah pembayaran tersebut?

I Harga lebih murah
II Menikmati diskaun harga
III Meringankan beban kewangan
IV Menikmati barang walaupun harga penuh belum dijelaskan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

LIVEWORKSHEETS

54. Antara berikut, manakah pelaburan yang memberikan pulangan yang tinggi?

A Emas dan simpanan tetap
B Emas dan urus niaga pertukaran asing
C Simpanan tetap dan sekuriti kerajaan
D Sekuriti perniagaan dan urus niaga pertukaran asing

55. Jadual 3 berkaitan dengan pendapatan Encik Malik pada tahun 2022.

Pendapatan dan potongan	RM
Gaji	20 000
Elaun	500
KWSP	10%
Insurans Nyawa	400
Cukai Pendapatan	150
Zakat	180
Bil air	130

Jadual 3

Hitungkan pendapatan boleh guna En Malik.

A RM 16 190
B RM 17 120
C RM 18 120
D RM 19 770

56. Mengapakah seseorang individu perlu merancang belanjawan peribadi?

A Meningkatkan hasil pendapatan individu
B Merancang perbelanjaan mengikut keutamaan
C Merancang perbelanjaan berdasarkan jumlah potongan wajib
D Memastikan perbelanjaan terancang ketika promosi jualan pada musim perayaan

LIVEWORKSHEETS